LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini disediakan untuk memberikan maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Personal Essentials – For Your Child?

Personal Essentials – For Your Child memberikan pampasan bagi mana-mana kecederaan anggota badan, kecacatan atau kematian yang disebabkan secara langsung oleh perlakuan ganas yang tidak sengaja, luaran dan boleh dilihat.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran *RM140.40* setahun (termasuk cukai perkhidmatan), anda akan menerima **perlindungan Pelan 1*** berikut:
Anggaran premium: Jumlah diinsuranskan RM50,000, dan berumur 15 tahun

Polisi ini **melindungi:**

No.	Faedah-Faedah	Jumlah Diinsuranskan (RM)			
		Pelan 1* (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)
1	Kematian akibat kemalangan	50,000	70,000	100,000	120,000
2	Hilang upaya kekal dan putus anggota badan	50,000	70,000	100,000	120,000
3	Elaun tunai hospital harian akibat kemalangan (maksimum 365 hari)	100	150	200	250
4	Elaun tunai hospital di Unit Rawatan Rapi (ICU) akibat kemalangan (maksimum 365 hari)	200	300	400	500
5	Perbelanjaan pengebumian (akibat kemalangan sahaja)	2,000	2,000	2,000	2,000
6	Ganjaran tunai akademik	Minimum 5A dalam UPSR atau yang setara - 50			
		Minimum 8A dalam PMR atau yang setara - 100			
		Minimum 5A dalam SPM atau yang setara - 150			
Premium Tahunan (RM) *(sebelum cukai perkhidmatan dan duti setem)*		130	175	240	280

Tempoh perlindungan adalah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui perlindungan anda setiap tahun.

Polisi ini **tidak melindungi**:

- Risiko Perang dan berkaitan;
- Bunuh diri atau sebarang percubaan sedemikian;
- AIDS;
- Perbuatan Jenayah;
- Mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti atau sukan berbahaya;
- Kemalangan radioaktif dan kemalangan bahan senjata nuklear;
- Keganasan;
- Kecacatan atau kelemahan fizikal, sebarang jenis sawan, sakit, atau penyakit yang sedia wujud.

***Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.*

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:

Hubungi kami di
1 800 88 6333

Layari kami di
www.amassurance.com.my

Emel kami di
customer@amassurance.com.my

Imbas kod
QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Personal Essentials – For Your Child Pelan 1 ini, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	*RM130.00 (setiap tahun)*
(+) Perlindungan Tambahan	*Tidak berkenaan*
Premium Kasar	***RM130.00***
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	*RM10.40*
(+) Duti Setem	*Tidak berkenaan*
Jumlah Premium Perlu Dibayar	***RM140.40***
Dimana ini termasuk:	
Komisen	***25%** daripada Premium Kasar atau **RM32.50***

Sila ambil perhatian bahawa:

- Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Duti setem bagi premium tidak melebihi RM150 dikecualikan sehingga 31/12/2028. Duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan mulai 1/1/2029 dan seterusnya.

4 Maklumat Penting Lain

- Anda mesti memberikan maklumat lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat polisi akan membatalkan semua tuntutan.
- Kami berhak untuk memeriksa orang yang diinsuranskan semasa tuntutan dan sekiranya berlaku kematian, untuk melakukan bedah siasat di mana tidak dilarang di sisi undang-undang.
- Sekiranya berlaku kemalangan, anda mesti memaklumkan kami dengan butir-butir penuh kemalangan / kecederaan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas kemalangan tersebut berlaku.
- Tunai Sebelum Perlindungan – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Liberty sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
- Kelayakan – Warganegara Malaysia yang berumur tiga puluh (30) hari hingga lapan belas (18) tahun.
- Had wilayah - Seluruh Dunia.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, anda layak untuk menerima sebahagian bayaran balik premium (jika berkenaan).
- Tiada bayaran balik premium jika premium minima dibayar atau tuntutan telah dibuat pada polisi.
- Untuk butiran penuh bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.